

MEMBACALAH DEMI MASA HADAPAN NEGARA

Oleh Zuridah Hanim Dato` Md. Akhir


REMAJA hari ini cenderung untuk menjadi golongan yang boleh membaca, tetapi bersikap negatif untuk membaca. Kajian yang dilakukan oleh Persatuan Membaca Antara Bangsa menunjukkan bahawa tahap bacaan remaja merupakan topik "paling hangat" yang memerlukan kajian lanjut sejak tahun 2001 hingga kini. Malah, kajian yang dilakukan oleh seorang ahli pendidikan, Marchand-martella pada tahun 2013 menunjukkan bahawa hampir 67% pelajar sekolah menengah yang membaca tidak menguasai apa-apa yang dibaca. Hal ini bermakna tahap bacaan pelajar sekolah menengah di peringkat antarabangsa secara amnya masih rendah dan tidak bersedia untuk bacaan di peringkat pengajian tinggi.

Dalam konteks Malaysia, Dasar Buku Kebangsaan dan Dasar Galakan Membaca Negara Malaysia meletakkan

sasaran untuk mencapai kadar literasi pada tahap 100% menjelang tahun 2020. Namun begitu, sasaran ini masih belum tercapai apabila didapati kadar literasi rakyat Malaysia telah merosot dari 93% pada tahun 1996 kepada 92% pada tahun 2006. Biarpun Kajian Perpustakaan Negara Malaysia mendapati tahap literasi membaca adalah 95% pada tahun 2015, namun angka ini masih tidak mencapai sasaran Dasar Galakan Membaca Negara seperti yang diharapkan. Perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa tahap membaca rakyat Malaysia masih belum mencapai matlamat. Aspek ini perlu diberi perhatian kerana kemajuan sesebuah negara dipengaruhi oleh perkembangan kognitif rakyatnya dan amalan membaca perlu ditekankan demi kelangsungan negara.

Dalam membicarakan hal ini, pelajar sekolah menengah perlu membaca





pada tahap yang lebih tinggi berbanding semasa di sekolah rendah. Ledakan maklumat akibat dunia tanpa sempadan dan keperluan kepada pengetahuan yang tinggi, menyebabkan mereka yang tidak membaca akan terus keciciran. Keadaan ini memberikan kesan jangka panjang kepada pembangunan diri dan kebolehsasaran kerja kelak. Seperti mana yang semua sedia maklum, pelajar yang membaca akan cemerlang dan berjaya di sekolah, mempunyai tahap pemikiran yang lebih kritis, mampu menganalisis dan menguasai sesuatu perkara baru dengan lebih baik, mencapai tahap penguasaan bahasa yang baik serta menguasai kemahiran menulis berbanding rakan sebaya yang kurang membaca.

Oleh hal yang demikian, amalan membaca perlu terus dipupuk biarpun sudah menginjak usia remaja. Hal ini kerana Kajian Olahan Profil Membaca Rakyat Malaysia pada tahun 2010 mendedahkan bahawa semakin meningkat umur rakyat Malaysia, semakin kurang tabiat membaca. Hal ini bermakna amalan membaca golongan muda khususnya pelajar sekolah lebih berorientasikan peperiksaan dan tidak berterusan apabila menginjak usia.

Senario ini perlu diberi perhatian kerana usaha bagi mendapat, menambah ilmu dan sumber ilmu baru, adalah menerusi pembacaan. Membaca adalah kegiatan yang boleh membangunkan intelektual, menyuburkan budaya ilmu, membentuk pemikiran kreatif dan dinamis serta

membentuk keperibadian manusia. Membaca turut dikaitkan dengan proses pembangunan masyarakat berfikir dan bernilai tinggi. Malah ilmu yang dimiliki boleh dimanfaatkan dalam proses pembangunan masyarakat dan Negara.

Seiring kemajuan zaman, keperluan kepada ilmu pengetahuan semakin penting dalam era globalisasi ini. Setiap insan yang berilmu mampu untuk bersaing dan bersedia menghadapi apa jua perubahan kemajuan yang berlaku. Ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah al-Zumar, ayat sembilan, yang bermaksud; "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna". Berdasarkan maksud ayat ini jelaslah kepada kita bahawa hanya orang yang membaca dapat menambah ilmu serta dapat menggunakan ilmu tersebut untuk kebaikan di dunia dan akhirat.

Dalam hal ini, buku, baca dan tulis sememangnya bersatu secara harmonis sepanjang sejarah kehidupan manusia untuk merakam, mendokumentasi dan memberikan penawar kepada manusia. Oleh sebab itu, membaca umpama makanan jiwa bagi penggemarnya. Membaca memberikan satu keseronokan dan kenikmatan yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Malah seorang penulis terkenal, Jorge Ramos hanya membeli makanan setelah membeli buku pada zaman kecilnya walaupun hidup dalam kesusahan.

Membaca mempunyai perkaitan yang cukup rapat dengan budaya ilmu

dan kewajipan untuk menuntut ilmu. Sesungguhnya kewajipan menuntut ilmu ini tidak hanya difokuskan kepada para pelajar sahaja, tetapi kepada seluruh umat manusia. Jika diteliti, menuntut ilmu ini jika semakin didalami, didapati semakin banyak pula yang tidak diketahui. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah al-Kahfi ayat 109 yang bermaksud; "Sekiranya lautan menjadi tinta untuk melukiskan kalimat-kalimat Allah, nescaya tinta itu habis sebelum selesai ditulis kalimat-kalimat itu". Hal ini jelas menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan amat penting dalam kehidupan manusia terutamanya ketika semua pihak sedang bersaing untuk mencari ilmu yang berkualiti bagi pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa.

Dalam hal ini, prasyarat bagi pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa ialah penguasaan ilmu pengetahuan dan pembinaan budaya ilmu yang cemerlang. Seseorang individu atau sesuatu bangsa yang mempunyai kekuasaan atau kejayaan dalam sesuatu bidang tidak boleh mempertahankan miliknya tanpa budaya ilmu yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu bukan sahaja kekal tetapi boleh memberikan keupayaan memulihkan diri dalam menghadapi sebarang kerumitan dan cabaran. Hal ini telah terbukti dengan pencapaian singkat rakyat Jepun membangunkan negaranya setelah Jepun hampir musnah sama sekali selepas peristiwa pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Senario "membaca di mana-mana sahaja" dalam kalangan warga Jepun menjadi

satu budaya sehingga membolehkan Negara Matahari Terbit itu menguasai sebahagian besar teknologi dunia.

Seperti yang diungkapkan oleh Imam Al-Ghazali, jika ingin melihat negara pada masa hadapan, maka lihatlah remaja pada hari ini. Oleh yang demikian, remaja yang terdedah kepada pembelajaran ke arah pembacaan yang aktif lebih bersifat berdikari dan lebih bijak dalam proses berfikir dan penyelesaian masalah yang pastinya mampu memberi impak kepada proses pembangunan negara pada masa hadapan. Pembelajaran ke arah pembacaan aktif memerlukan guru yang juga pembaca aktif kerana guru yang tahap membacanya rendah memberikan kesan kepada kualiti pendidikan yang diberikan. Dalam konteks ini, budaya membaca juga perlu sentiasa dimotivasikan oleh pengetua dengan menyusun pelbagai strategi bagi menggalakkan seluruh warga sekolah membaca.

Sesungguhnya, hanya dengan mempunyai ilmu yang mantap sahajalah, para pelajar pada hari ini memiliki jati diri yang unggul dan terselamat daripada terjebak dalam gejala sosial yang tidak diinginkan, sekaligus memenuhi hasrat kerajaan untuk mencapai tahap negara maju mengikut acuan tersendiri.. Hanya dengan membaca mampu mengubah dunia, paling tidak mengubah diri kita sendiri. Ingatlah bahawa generasi hari ini penentu corak negara pada masa hadapan. Segalanya bermula dengan kalimah membaca! ●S